



**MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**  
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman  
TEL : 04-7901200 / 04-7866328  
FAKS : 04-7866639  
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN  
PERSEKITARAN  
BAHAGIAN PELESENAN**

## **LESEN PREMIS PERNIAGAAN: SYARAT & PERATURAN**

### **SYARAT-SYARAT AM**

1. Lesen premis perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat dan ditunjukkan kepada mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
2. Lesen premis perniagaan yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis. Pertukaran pemegang lesen atau nama syarikat yang baru perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tukar nama pelesen menggunakan borang yang telah ditetapkan kepada MDPT.
3. Memastikan cukai taksiran yang dikenakan oleh MDPT dibayar serta mematuhi segala syarat-syarat penggunaan bangunan yang berkaitan.
4. Premis perniagaan tidak boleh digunakan sebagai penginapan persendirian kecuali kebenaran MDPT.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menukar atau menambah aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kebenaran MDPT. Sebarang pertukaran atau penambahbaikan aktiviti perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tambah atau tukar aktiviti kepada MDPT.
6. Pegawai Pelesen/Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau percaya dengan munasabah premis digunakan bagi maksud tred, perniagaan dan perindustrian.
7. **Tempoh sah lesen adalah sehingga 31 DISEMBER bagi tahun yang diluluskan dan perlu diperbaharui pada 1 JANUARI tahun berikutnya.**
8. Sebarang aktiviti membuat atau memproses hanya boleh dijalankan di premis yang berstatus industri atau kilang sahaja kecuali mendapat kelulusan MDPT.
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi di premis perniagaan.
10. Memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Perakuan Pematuhan (CCC) atau Permit Sementara Bangunan dan disahkan selamat untuk menduduki aktiviti perniagaan.

11. Premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan MDPT berkaitan aktiviti perniagaan yang dijalankan dan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan.
12. Menyediakan alat pemadam api yang tidak tamat tempoh.
13. Menyediakan peti pertolongan cemas yang sentiasa dilengkapi dengan ubat-ubatan dan tidak tamat tempoh.
14. Dilarang menyimpan dan membenarkan haiwan peliharaan dan haiwan terbiar di dalam premis perniagaan (tidak tertakluk kepada perniagaan kedai haiwan peliharaan/kesayangan).
15. Menyediakan kemudahan tandas yang berkeadaan baik dan bersesuaian mengikut keperluan serta kebersihannya perlu sentiasa dijaga.
16. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan bertutup.
17. Menjaga dan memastikan sistem perparitan dan saluran berfungsi dengan sempurna.
18. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan perlu diuruskan dengan baik dan dibuang ditempat yang dibenarkan sahaja.
19. Mengamalkan amalan pengasingan sampah (3R) seperti guna semula (**reuse**), mengurangkan (**reduce**) dan mengitar semula (**recycle**).
20. Memastikan sebarang efluen atau kumbahan disalurkan melalui alat perangkap sisa makan/minyak yang disediakan sebelum disalurkan ke saluran kumbahan atau tangki najis. Alat tersebut perlu sentiasa diselenggara dan berfungsi dengan sempurna pada setiap masa operasi perniagaan dijalankan.
21. Dilarang melakukan pembakaran terbuka dan menyebabkan pencemaran alam sekitar dan kacau ganggu awam.
22. Kebersihan premis dan kawasan sekeliling hendaklah sentiasa dijaga dan tidak memberi kacau ganggu kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran yang mungkin memudaratkan masyarakat setempat.
23. Dilarang meletakkan barang-barang atau benda-benda lain untuk jualan di laluan awam kecuali mendapat kelulusan daripada MDPT.
24. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan.
25. Halangan atau rintangan di pintumasuk/pintukeluar tidak dibenarkan. Tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan binaan di luar premis asal atau binaan yang menutup longkang tanpa kebenaran MDPT.
26. Sekiranya terdapat pengubahsuaian yang melibatkan sekatan dinding, senguap (awning), tanjakan (ramp) dan pecahan dinding hendaklah mendapat kelulusan MDPT.
27. Sekiranya terdapat pengubahsuaian yang melibatkan binaan penutup longkang, pemilik premis hendaklah mendapat kelulusan MDPT dengan membina 'Mild Steel

Grating' atau bahan-bahan yang bersesuaian untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan. Menutup keseluruhan longkang adalah tidak dibenarkan.

28. Kegagalan pemegang lesen mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan boleh menyebabkan lesen **DIBATALKAN**.

29. **TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN PERUNDANGAN** boleh dikenakan kepada mana-mana individu / syarikat / pemegang lesen yang melanggar dan tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang.

30. Mematuhi syarat-syarat Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba, Jabatan Penyelamat Malaysia dan lain-lain pihak berkuasa.